

Newspaper
Date

Sinar Harian
11 December 2015

Ada pihak tebuk bahtera Umno: Najib

Sinar Harian - 11/12/2015

KUALA LUMPUR - Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak mendedahkan, ada pihak sedang menebuk lubang bahtera perjuangan Umno untuk menenggelamkannya.

Katanya, tindakan khianat sedemikian bukan sahaja boleh menenggelamkan parti, namun turut memberi kesan kepada bangsa Melayu secara keseluruhannya.

"Sayang seribu kali sayang, mereka terlupa bahawa tindakan khianat sedemikian, bukan setakat boleh melemaskan pihak lawannya, akan tetapi, akhirnya yang karam dan tenggelam, adalah seluruh bangsa keturunan dan tamadun kita ini," katanya dalam ucapan dasar semasa merasmikan Perhimpunan Agung Umno 2015 di PWTC, semalam.

Menurutnya, sarjana-sarjana agama antaranya Ahli Majlis Fatwa Masjidil Haram, Sheikh Dr Sulaiman Saloomi, menyatakan tentang haram hukumnya menggulingkan kerajaan.

Beliau turut menjadikan contoh demonstrasi jananan dan insiden pijak gambar pemimpin Melayu sebagai perbuatan yang dilarang oleh agama.

"Demikian juga, saudara dan saudara, saya telah meminta pendapat beberapa orang alim ulama, berkaitan bagaimanakah yang dikatakan sebuah kerajaan itu zalim serta layak ditumbangkan.

"Soalnya, apakah kepimpinan kerajaan kini yang telah berikhtiar se-

habis baik, merintis berjuta jalan, demi masalah rakyat, apakah itu boleh dihukum sebagai kerajaan yang zalim?," kata Najib kepada 2,742 perwakilan Umno.

Beliau turut mengingatkan ahli-ahli Umno agar tidak cuba merosakkan apa yang telah diperjuangkan Umno selama hampir 70 tahun.

Sementara itu, Najib menyatakan keyakinan bahawa sokongan ahli-ahli Umno masih teguh meskipun berlaku pelbagai episod tidak terduga.

Menurutnya, keyakinan itu bersandar kepada semangat dan rentak yang ditampilkan ahli-ahli parti beberapa hari ini.

"Sesungguhnya, secara sadar ataupun tidak, perhimpunan kali ini berbeza dan tidak sama dengan perhimpunan yang lalu. Dengan kata lain, jangkaan terhadap perhimpunan ini, luar biasa.

"Kerana ternyata suasana dan kejadian-kejadian yang kita lalui, sejak setahun yang lalu, penuh liku-liku dan cabaran yang melintang.

"Bagaimanapun, Alhamdulillah, saya yakin dan percaya, melihat akan rentak dan semangat yang ditampilkan, selama beberapa hari ini, majoritinya masih teguh berikat dengan kepimpinan saya," katanya.

Dalam ucapan sama, Najib mengakui menyedari hakikat bahawa ada perwakilan yang datang dengan pelbagai bentuk perasaan terbuka ke



Najib begitu bersemangat ketika menyampaikan ucapan dasar pada perasmian Perhimpunan Agung Umno 2015, semalam.

perhimpunan itu.

"Berpijak di bumi yang nyata, saya tahu daripada 191 bahagian, tidak semuanya seiring pandangan. Apatah lagi pada perhimpunan kali ini, setelah episod-episod tidak terduga telah terjadi, pastinya ada sesetengah yang datang, dengan segala bentuk perasaan dan rasa serta hal-hal yang terbuka di dada," katanya.

Kebenaran akan terbukti

Selain itu, Najib menegaskan keyakinannya berada di pihak yang benar bersabit isu derma RM2.6 bilion yang menjadi perhatian banyak pihak.

buktikan pelan rasionalisasi 1MDB sedang berjalan dengan baik.

"Insya-ALLAH ini akan disusuli dengan beberapa pengumuman yang lain, yang akan meyakinkan rakyat untuk akhirnya nanti mendapat penyelesaian yang tuntas," katanya.

Sebelum ini, Umno dilanda krisis hebat apabila beberapa cawangan Umno meminta Najib berundur susulan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan derma RM2.6 bilion.

Dalam ucapan itu, Najib turut memaklumkan prestasi ekonomi Malaysia di mata dunia di mana negara ini berjaya melonjakkan dua tangga dan berada di kedudukan 18 daripada 144 buah negara utama berdasarkan laporan daya saing global 2015-2016 oleh World Economic Forum.

"Justeru, mana mungkin orang boleh mengata kita sebagai 'fail state' atau pengemis di bawah kepimpinan saya kini," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa perjuangan Umno tidak akan terhenti setakat wawasan 2020 sahaja.

"Malah, menjelang tahun 2030, kita menasaskan untuk berada pada kedudukan 10 negara terbaik yang paling kompetitif di dunia.

"Lagi pula, kita mahu kemakmuran negara akan berterusan, bukan sekadar untuk 50 tahun atau sekurun lagi, bahkan untuk tempoh yang lebih panjang dari itu," katanya.

Menurutnya, perkara itu telah pun dijawab di Parlimen dan dijelaskan secara terperinci semasa Taklimat Presiden.

"Wang itu adalah derma dari luar negara dan bukannya diambil dari 1MDB. Yang mustahak... saya yakin... saya berada di pihak yang benar, dan kebenaran akan terbukti juga," katanya.

Beliau juga mengingatkan perwakilan Umno bahawa isu berkaitan 1MDB itu sedang ditangani dan dalam proses penyelesaian.

"Misalnya, dengan penjualan syarikat Edra, hutang 1MDB kini telah suat sebanyak RM17 bilion. Ini mem-